

# Bimbang orang jatuh sungai

**KELANA JAYA** – “Setiap kali anak perempuan pergi ke sekolah memang hati rasa bimbang kerana takut apa-apa terjadi terhadapnya jika terjatuh ke dalam Sungai Kayu Ara.

“Saya selalu pesan kepada dia dan anak-anak rakan yang lain supaya jangan bermain-main sesuka hati ketika menyeberangi jambatan yang tidak berjaring itu,” kata seorang bapa, Azhar Maarik, 38, kepada *Sinar Harian*, di sini semalam.

Azhar berkata, jambatan yang menyeberangi sungai tersebut siap sebaik sahaja selesai PRU13, baru-baru ini.

Menurutnya, dia mengakui dengan adanya pembinaan jambatan itu memudahkan lagi pelajar sekolah dan juga pekerja yang menetap di Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang untuk pergi ke sekolah dan tempat kerja.

Bagaimanapun, apa yang membimbangkan adalah jambatan baru dibina itu tidak berjaring dan ia boleh menyebabkan orang terjatuh ke dalam sungai.

“Apa-apa pun boleh terjadi jika orang tidak perasan terutamanya pada waktu malam boleh menyebabkan terjatuh



**Penduduk bimbang kanak-kanak terjatuh di jambatan tidak berjaring dibina melintasi Sungai Kayu Ara di Lembah Subang.**

ke dalam sungai setinggi hampir tujuh meter dari jambatan,” katanya.

Azhar mendakwa, pernah ada kejadian kanak-kanak terjatuh ke dalam sungai cetek itu namun tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

Menurutnya, dia menggesa pihak bertanggungjawab untuk membina jaring segera bagi melindungi keselamatan orang ramai.

Sementara itu, Minhat Ahmad, 49, berkata, walaupun permintaan penduduk yang meminta sebuah jambatan dibina sejak 10 tahun lalu itu tercapai namun, apa yang membimbangkan adalah soal keselamatan yang dilihat kurang dititikberatkan.

“Patutnya kalau pro-



**AZHAR**

jek ini belum benar-benar siap jangan beri orang ramai menggunakannya.

“Ia sangat bahaya jika terjatuh dan saya harap tiada kejadian tak diingini berlaku,” katanya.